MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
# TARIKH: 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | DBKL | • CLEARS ILLEGAL EATERY ON TMN UNITED PAVEMENT |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • SEANGOR TO SET UP WATER COMMISION, CREATE MASTER PLAN<br>• STAY UPDATED ON ROAD CONDITIONS WITH JKR APP<br>• SELANGOR OPTS FOR PREVENTIVE HEALTHCARE |
| 2. | SINAR HARIAN | • DETOKSIFIKASI DIRI DALAM PERSEKITARAN 'TEMPAT KERJA TOKSIK'<br>• PENGENDALI PLATFORM MEDIA SOSIAL PERLU LBIH PROAKTIF BANTU SEKAT AKTIVITI TIDAK BERMORAL<br>• KERAJAAN SASAR DEFISIT FISKAL LEBIH RENDAH KEPADA 3 PERATUS |
| 3. | KOSMO | • SEKTOR PEMBINAAN REKOD NILAI RM41.1 BILION Q3 2024<br>• MALAYSIA PANTAU DASAR EKONOMI BAHARU AMERIKA |
| 4. | HARIAN METRO | • PEMBINAAN WCE BANTING-GELANG PATAH MASIH DIPERHALUSI<br>• EKONOMI KEKAL BERDAYA TAHAN |
| 5. | BERITA HARIAN | • PERLAKUAN BULI DI TEMPAT KERJA PERLU DIHENTIKAN<br>• INTAN PENERAJU KECEMERLANGAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM<br>• PASTIKAN SISTEM SALIRAN BERFUNGSI ELAK BANJIR JEJAS INFRASTRUKTUR JALAN RAYA |
| 6. | UTUSAN MALAYSIA | • KERAJAAN TIMBANG INISIATIF BANTU B40<br>• GABUNG PROJEK WCE BANTING-PASIR GUDANG DAN HSR UNTUK JIMAT KOS<br>• FACEBOOK RAIH RM2.5 BILION DARIPADA RAKYAT MALAYSIA TAHUN LALU |





DBKL personnel (left) dismantling structures during the operation in Jalan Sepadu and the cleared site (above). — YAP CHEE HONG/The Star and courtesy photo

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

# DBKL clears illegal eatery on Tmn United pavement

## Structures removed following notices that were ignored

THE long arm of the law caught up with a stubborn trader who had operated an illegal eatery, for years, on a public walkway along Jalan Sepadu in Taman United, Kuala Lumpur.

Not only did he build permanent structures, the trader also occupied a big portion of the pavement and installed a TV set, fans, lighting and sinks.

Finally, after complaints, the authorities cleared the area.

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had earlier issued a notice to the trader to vacate the area, which was ignored.

A team of officers from various departments carried out enforcement under Street, Drainage and Building Act 1974 for obstruction and other violations.

During a visit, *StarMetro* noticed that the structures had been dismantled.

The area was bare, except for DBKL enforcement tape cordoning the spot where the stall had been operating.

A DBKL spokesperson from the Seputeh branch confirmed that the illegal structures were removed in a joint operation involving staff from its mechanical and electrical engineering, licensing and business development and enforcement departments, along with support from Tenaga Nasional Bhd, Air Selangor and Alam Flora.

"Two permanent structures were demolished and all electrical and water connections have also been removed.

"We will monitor the site continuously," he said, adding that apart from the eatery, another stall selling food was also removed.

On June 27, *StarMetro* reported that "Errant street vendors will lose licences", with DBKL stating that five static traders were operating on the walkway and causing traffic congestion.

"Investigations on June 5 found that two traders had premises licences, two did not have licences and one was operating on a limited time licence.

"During the operation, they were issued three compound notices under Section 46(1) of the Street, Drainage and Buildings Act 1974 for leaving items in public places and two notices under Licensing of Hawkers (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-law 2016 for operating without a valid licence," DBKL said at the time.

One trader cleared structures during a follow up enforcement on June 21.


Errant street vendors will lose licences
DBKL warns of clampdown on traders blocking walkways

Flashback to *StarMetro* report on June 27.

Frustrated residents had complained about the eateries occupying public walkways and obstructing pedestrian access.

"These stalls endanger the public through the placement of gas tanks and stoves on the pavement.

"Open cooking should not be permitted on the pavement, and erecting permanent structures is illegal," said resident Mary Loo.

"While I appreciate DBKL's action in finally removing them, I don't understand why it took so long."

Another resident, Salmah Hasan said, "DBKL should have acted immediately instead of allowing them to instal stoves, TVs and fans," she said, adding that due to DBKL's failure to act sooner, other traders had also been emboldened to set up shop on the pavement.

Another resident, James Nayagam, said many stalls seemed to hold restaurant licences but were operating by the roadside.

"There should be periodic inspections by the local authority. I hope that these spots that have been cleared will remain so," he added.

THE STAR
Tarikh: 12 NOV 2024

# Selangor to set up water commission, create master plan

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my



Izham (front) at the newly completed Rantau Panjang Pump House in Bestari Jaya, Kuala Selangor. In the background is the Hang Tuah 5 Pond. — CHAN TAK KONG/ The Star

SELANGOR government plans to establish a state water commission and create a master plan.

State infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said the state commission's purview would not overlap with that of National Water Services Commission (SPAN).

He said the national body would focus more on treated water and sewerage services, while the state commission would comprise all agencies that handled water-related matters.

This would range from raw water and wastewater management as well as flood mitigation and river rejuvenation.

"Water management is a state matter. By having all related agencies under a single body, we will be able to look into implementing projects and addressing water-related matters holistically," said Izham.

On the water master plan, he said the commission would look into short-, mid- and long-term plans for Selangor as a whole.

"One of the things we are looking into is an underground flood management system.

"This follows my working trip to two cities in Japan, where wastewater from domestic usage and rainwater are channelled underground and away from cities to prevent floods."

Izham said the study for the master plan, scheduled for early next year, would also look into a comprehensive water and flood management concept involving both Kuala Lumpur and Selangor.

"We have met with Energy Transition and Water Transformation Ministry to present the concept, which is estimated to cost up to RM6bil.

"The master plan will also look into creating a network of reservoirs and lakes to be utilised as alternative water sources," said Izham, who is also Pandan Indah assemblyman, at the handover ceremony for the Rantau Panjang Pump House in Bestari Jaya, Kuala Selangor.

It was built under Package B of the Water Resources Assurance Scheme (SJAM) at a cost of RM21mil.

The pumping station, which is linked to Hang Tuah 5 Pond, was built to minimise impact when the Rantau Panjang Water Treatment Plant (WTP) is closed due to pollution of raw water in Sungai Selangor.

It has a capacity of supplying 40 million litres per day (MLD) of raw water from Hang Tuah 5 Pond to the Rantau Panjang WTP intake points.

Izham said the pond could supply raw water to the Rantau Panjang WTP for about 60 days.

Also present were Selangor Deputy State Secretary (Management) Datuk Mohd Yazid Sairi, Air Selangor chief executive officer Adam Saffian Ghazali and State Economic Planning Unit, Macro and Privatisation Section deputy director Hamizam Abdulla Zabidi.

THE STAR

Tarikh: 12 NOV 2024

# Stay updated on road conditions with JKR app

By HO JIA WEN
jiawen.ho@thestar.com.my

12/11 Star

KUALA LUMPUR: Users can get updates on the status of roads during the northeast monsoon season from the Public Works Department's (JKR) app called eBencana, says Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said monitoring information from JKR's disaster operations room (BiGBen) is now integrated into the app.

"This app enables all this information to be accessible to road users," he added.

From the app's menu, road users can check for floods, landslides, road or bridge collapses, and erosion on the routes that they are using.

The app also features a map showing the exact location of the affected road sections, along with photos of the sites.

According to Nanta, BiGBen serves as a one-stop information centre for disasters involving state and federal roads under JKR.

It monitors disaster-related events, such as floods, landslides, cave-ins, subsidence and other forms of damage, including collapsed bridges.

"One of the main benefits is information on road closures, as well as alternative route information, to enable road users to plan their journeys," he said.

He added that BiGBen will increase its monitoring frequency based on the severity of the situation, and it is categorised into green, yellow and red.

"If the situation is still green, meaning incidents occurred but are not severe, monitoring will take place from 8am to 5pm, with reports twice a day.

"However, if conditions worsen, it will be categorised as yellow, with four reports daily; and if it is very severe, affecting multiple states, then it's red, with 24-hour monitoring and reports six times a day," he said.

Nanta said since 2022, the operation room infrastructure and systems for BiGBen have improved, and the monitoring capacity has increased in efficiency.

"The personnel in BiGBen work at various levels, with JKR staff at the federal, state and district levels," he said.

Previously, the information from BiGBen was only available on its website, Facebook, and X (formerly Twitter).

The app is available for download on the Google Play Store and Apple App Store.

Separately, Nanta said the status of the proposed West Coast Expressway (WCE) extension from Banting, Selangor, to Gelang Patah, Johor, is at the refinement stage.

"From what I understand, we are refining the process and are in contact with the Economy Ministry for approval and allocation," he added.

In his Budget 2025 speech last month, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the WCE extension will be constructed via a public-private partnership approach.




**Looking out:** A JKR employee giving a presentation at BiGBen within JKR headquarters in Kuala Lumpur. — FAIHAN GHANI/The Star


WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR
Tarikh: 12 NOV 2024

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

# Selangor opts for preventive healthcare

## Conference at Cyberjaya varsity sees medical community brainstorm to reduce burden on health services

PREVENTIVE health intiatives can lessen the burden of the national healthcare sector.

University of Cyberjaya (UoC) vice-chancellor Prof Dr David Whitford, keynote speaker at Selangor State Public Health Conference 2024, said preventive healthcare such as immunisation had economic benefits.

"According to a 2011-2020 study on the return on investment from childhood immunisation in low- and middle-income countries, every US$1 (RM4.4) spent on immunisation programmes returns up to US$44 (RM194) in economic benefits.

"This contributes to savings from reduced healthcare costs, improved productivity and healthier populations," he said.

Prof Whitford was speaking at the university's conference "Future Proofing Health: the Role of Prevention in Sustainable Healthcare".

This inaugural meet focused on the importance of preventive healthcare and unsustainability of reactive healthcare.

Selangor public health and environment committee chairman Jamaliah Jamaluddin, opening the event, said the state aimed to expand its preventive health programme to alleviate the burden faced by the current healthcare sector.

"Programmes such as Selangor Saring enable early detection of non-communicable diseases through full health screenings while the Mental Sehat programme offers vital mental health support.

"Our goal is to equip citizens with resources needed to lead healthy lives, both physically and mentally," she said.

Also present were Selangor State Economic Planning Unit director Datuk Johary Anuar, UoC pro-chancellor Tan Sri Dr R. Palan and medical faculty dean Mejar-Jen (R) Prof Datuk Dr Mohd Zin Bidin.

They were joined by Cyberjaya Education Group Bhd group chief commercial officer Kalaiarasu Malayandi and UoC Board of Directors and Board of Governors deputy chairman Mejar-Jen (R) Datuk Dr R. Mohanadas.

Dr Mohd Zin said the conference theme was ideal for navigating a changing world.

"This is our chance to collaborate, brainstorm and ignite new ideas to transform public health in the country.

"Investing in preventive measures can save lives and the reduce cost of reactive healthcare. This is the vision we must strive for," he said.

The conference saw medical students of UoC and other universities as well as experts gather to share their thoughts on preventive healthcare.

Several booths were also available for delegates to enjoy free health screenings.



(Front, from left) Kalaiarasu, Dr Mohanadas, Jamaliah, Prof Whitford and Dr Mohd Zin with other guests and participants at the conference in Cyberjaya. — SHAARI CHEMAT/The Star

THE STAR
Tarikh: 12 NOV 2024

84
12/11

# Detoksifikasi diri dalam persekitaran 'tempat kerja toksik'



**Dr Alizi Alias**
merupakan Konsultan Psikologi Organisasi
Penasihat Soul Fitness WUIF
Pengerusi Psikospiritual IKRAM (P.S.I)
Ahli Majlis Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA)

Tema Hari Kesihatan Mental Sedunia 10 Oktober 2024 lalu iaitu 'Kesihatan Mental di Tempat Kerja' masih lagi tidak puas dibicarakan.

Antara isu sering dibicarakan ialah 'persekitaran tempat kerja toksik'. Ia merujuk kepada persekitaran kerja di mana tingkah laku negatif seperti manipulasi, buli, jeritan dan lain-lain sudah menjadi 'darah daging' dalam budaya organisasi.

Ramai memilih untuk berpindah kerja tapi tidak semua mampu berbuat demikian. Ramai mengadu kepada pihak pengurusan sumber manusia tapi ramai juga mengadu tiada perubahan.

Bagi pekerja yang terpaksa terus bekerja hingga mengalami kesan psikologi negatif, berikut adalah cadangan untuk nyahracun atau detoksifikasi diri.

**Mencipta penutup**

Apabila pekerja hidup dalam persekitaran kerja toksik, mereka mungkin menyimpan kebencian terhadap pihak menganiayai mereka dan mungkin akan termenung dan terngiang-ngiang dialog yang menyakiti hati.

Emosi ini adalah sahih dan perlu diiktiraf. Tapi ia tidak membantu pekerja nyahracun daripada persekitaran kerja toksik. Pekerja memerlukan penutupan kognitif (*cognitive closure*) sebelum mereka boleh membuat permulaan baharu di tempat kerja sama. Pekerja tidak memerlukan kemaafan orang lain (*apology*). Sebaliknya, pekerja memerlukan kemaafan diri mereka sendiri (*forgiveness*).

Antara cadangan adalah tulis surat kepada diri sendiri. Akui bahawa telah melakukan yang terbaik dengan sumber, kebijaksanaan dan skil yang ada pada ketika itu. Tutup buku dan terus jalan (*move on*).



**Apabila hidup dalam persekitaran kerja toksik, pekerja akan kerap termenung dan menyimpan kebencian terhadap pihak menganiaya.** ***Gambar hiasan.***

**Tahu apa yang boleh dikawal**

Bukankah ini yang kita belajar semasa pandemik dulu? 'Yang boleh kita kawal, kita kawal. Yang tidak boleh kita kawal, kita tawakal'. Pekerja yang selalu dibuli di tempat kerja hingga ke peringkat trauma cenderung menyalahkan diri sebagai mangsa berbanding menyalahkan pembuli.

Mereka mungkin selalu bertanya kepada diri sendiri 'Bagaimana kalau mula-mula dibuli dulu aku pertahankan diri?' atau 'Adakah aku yang terlebih sensitif?' Emosi ini adalah sahih dan perlu diiktiraf. Tapi ia tidak membantu pekerja detoksifikasi daripada persekitaran kerja toksik.

Cadangannya, tumpukan tenaga kepada pembangunan diri. Hadir latihan kemahiran komunikasi asertif supaya anda mampu berkata tidak kepada permintaan yang tidak munasabah, menetapkan sempadan dan berani membuat aduan atau laporan konkrit.

**Meramal pencetus (*trigger*)**

Pekerja sudah berpandangan negatif terhadap bos atau rakan sekerjanya sebelum berurusan dengan mereka pun boleh mencetuskan pelbagai emosi negatif seperti sedih, marah, takut dan lain-lain.

Cadangannya, tulis diari emosi untuk mengenal pasti corak setiap kali emosi tercetus. Jawab soalan-soalan seperti siapa, apa, bila dan kemudian kenal pasti kenapa.

Cadangan untuk penyelesaian adalah apabila gelisah sebelum bersemuka dengan individu toksik, lakukan senaman pernafasan, dapatkan sokongan rakan sekerja, tangguh bicara mengikut emosi untuk elak tersilap cakap dan memerangkap diri dan berkomunikasi secara matang dan profesional.

**Nikmati pengalaman manis**

Apabila majoriti pekerja di pejabat sangat toksik, pekerja biasanya khuatir tentang persepsi orang lain terhadap dirinya dan mewujudkan pengalaman pahit.

Cadangannya, guna teknik bingkai semula (*reframe*) dengan cara meluangkan masa 10 minit setiap hari untuk mengingati saat menyeronokkan di tempat kerja jarang disedari.

Menulis tiga peristiwa positif berlaku setiap hari di tempat kerja, sebelum sampai ataupun pulang dari kerja dan renungkan mengapa ia berlaku dan jangan lupa meraikan kejayaan kecil dicapai setiap hari di tempat kerja.

Jika pekerja rasa sukar untuk melaksanakan teknik di atas, sila ke kaunselor yang boleh melatih mereka. Jika pekerja syak mengalami penyakit mental, sila rujuk ahli psikologi klinikal atau doktor psikiatri untuk sesi terapi atau ubat-ubatan.

Peringatannya sebelum kita melabel pihak lain di tempat kerja sebagai toksik, muhasabah atau semak dahulu diri kita sama ada kemungkinan kita sendiri yang toksik.

Jika hati kita baik, kita akan mudah sedar dan mudah untuk berubah. Tapi jika sebaliknya, kita susah berubah.

Jika kita sedar kita sebenarnya toksik, lakukan perkara berikut dalam proses menghentikan tingkah laku toksik.

Pertama, dapatkan kaunseling untuk ubah tingkah laku toksik. Kedua, cari punca sebenar tingkah laku toksik kita.

Ketiga, mohon maaf kepada pihak yang kita sakiti dan keempat, amalkan sifat rahmah kendiri berbanding pemikiran positif yang toksik.

Moga pekerja masih mampu cemerlang dan sejahtera mengikut kemampuan walaupun dalam persekitaran toksik.

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 NOV 2024

SH 12/11

# Pengendali platform media sosial perlu lebih proaktif bantu sekat aktiviti tidak bermoral

SUBANG JAYA - Pengendali platform media sosial perlu lebih proaktif dalam membantu kerajaan menyekat sebarang aktiviti tidak bermoral serta menyalahi undang-undang di akaun media sosial, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Beliau berkata, pihaknya mendapati pengendali platform berkenaan biasanya lambat bertindak dan hanya menurunkan kandungan seumpama itu sekiranya menerima aduan daripada pihak berkaitan.

Fahmi memberi contoh beberapa minggu lepas, apabila tular di platform X mengenai satu halaman Facebook yang menjurus kepada kesalahan berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

"Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berhubung dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia berhubung bantuan teknikal mengenai hal tersebut, dan saya serahkan kepada PDRM untuk ambil tindakan dalam isu ini.

"Saya percaya Meta (penyedia platform) telah menurunkan kandungan itu, tapi masalahnya Meta tidak proaktif, hanya setelah dibangkitkan, baru (buat) dan sepatutnya dia telah flag daripada awal.

"Ini antara sebab kenapa kita mahu platform-platform ini dilesenkan secara automatik," katanya di sini pada Isnin.

Menurut Fahmi, penyedia platform media sosial sepatutnya menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) masa kini dalam menyekat anasir-anasir yang memudaratkan itu.

"Apa guna ada AI? Apa guna mereka ambil duit dari rakyat Malaysia iaitu pendapatan Facebook pada tahun 2023 adalah RM2.5 bilion... takkan mereka tidak ada untuk nak buat saringan automatik terhadap halaman-halaman jenayah ini?" katanya.

Sehubungan itu, Fahmi mengulangi bahawa langkah memperkenalkan Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah tepat, demi mengekang tiga jenayah utama yang kini 'berhijrah' ke ruang maya iaitu scam dan judi dalam talian, buli siber serta jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

*- Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 NOV 2024

SH 12/11

# Kerajaan sasar defisit fiskal lebih rendah kepada 3 peratus



HUI YING

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan menyasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada tiga peratus bagi jangka masa sederhana, mengikut kerangka Ekonomi MADANI serta Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata pada 2024, defisit fiskal berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkurang kepada 4.3 peratus daripada 5.0 peratus yang dicatatkan pada 2023.

Kedudukan defisit fiskal diunjurkan terus berkurang kepada 3.8 peratus pada 2025, katanya.

Beliau berkata, dalam jangka masa sederhana, kerajaan akan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal termasuk merangka Strategi Hasil Jangka Sederhana bagi meningkatkan mobilisasi hasil serta meneruskan penyasaran subsidi secara berperingkat untuk mengoptimumkan perbelanjaan.

"Kerajaan juga sedang melaksanakan langkah pembaharuan institusi dan tata kelola termasuk penambahbaikan mekanisme kerjasama awam-swasta menerusi Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030," katanya semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau)** mengenai perancangan kerajaan untuk memperkenalkan lebih banyak dasar mengenai reformasi fiskal bertujuan mengukuhkan kewangan negara serta menguatkan ekonomi dalam negara.

Hui Ying berkata, kerajaan juga melaksanakan penggubalan akta baharu untuk menambah baik perolehan kerajaan selain memperkukuh tadbir urus syarikat milik kerajaan yang akan meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan pengurusan kewangan awam.

Mengenai ringgit, beliau berkata, kerajaan akan memastikan ringgit didagangkan dalam keadaan teratur.

Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus bersedia untuk membendung pergerakan ringgit yang dianggap berlebihan dalam pasaran pertukaran asing dan mengambil langkah proaktif menggalakkan penggunaan ringgit bagi penyelesaian perdagangan dan pelaburan antarabangsa, katanya. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 12 NOV 2024

# Sektor pembinaan rekod nilai RM41.1 bilion Q3 2024

kosmo 12/11



**BAGI tempoh sembilan bulan pertama 2024, sektor pembinaan merekodkan nilai kerja RM116.8 bilion.** – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Sektor pembinaan terus mengekalkan momentum positif untuk mencapai nilai kerja RM41.1 bilion pada suku tahun ketiga (Q3) 2024, menurut laporan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, ia merupakan pertumbuhan ketara sebanyak 22.9 peratus tahun ke tahun, berbanding peningkatan 20.2 peratus yang direkodkan pada suku sebelumnya.

"Momentum pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pengembangan sebanyak 42.6 peratus dalam subsektor aktiviti pertukangan khas, yang terus menunjukkan pertumbuhan yang tinggi.

"Selain itu, subsektor bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman masing-masing turut menunjukkan momentum pertumbuhan dengan peningkatan sebanyak 27.8 peratus dan 27.7 peratus.

"Sementara itu, subsektor kejuruteraan awam pula berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 12 peratus," katanya.

Tambah beliau, hampir 61.4 peratus daripada nilai kerja tertumpu di Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) dan Sarawak.

"Nilai kerja pembinaan di Selangor berjumlah RM9.3 bilion atau 22.7 peratus, disumbangkan oleh kejuruteraan awam (RM2.8 bilion), diikuti bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman masing-masing pada RM2.7 bilion.

"Sementara itu, Johor menduduki tempat kedua dengan nilai RM6.9 bilion atau 16.9 peratus, terutamanya dalam subsektor bangunan bukan kediaman (RM2.6 bilion) dan kejuruteraan awam (RM2.2 bilion).

"Nilai kerja di Wilayah Persekutuan pula adalah RM4.6 bilion (11.3 peratus), manakala Sarawak mencatatkan RM4.3 bilion (10.5 peratus)," katanya.

Bagi sembilan bulan pertama 2024, sektor ini mencatatkan jumlah nilai RM116.8 bilion, peningkatan 19.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023.

KOSMO

Tarikh: 12 NOV 2024

# Malaysia pantau dasar ekonomi baharu Amerika

Kosmo 12/11

**GEORGE TOWN** – Malaysia akan memantau secara rapat dasar ekonomi baharu yang bakal dikeluarkan Amerika Syarikat selepas kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden baru-baru ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, Malaysia turut berharap polisi-polisi yang bakal diperkenalkan Amerika Syarikat akan terus merancakkan ekonomi dunia.

"Malaysia mengucapkan tahniah kepada beliau (Donald Trump) yang menang pilihan raya Amerika Syarikat baru-baru ini, tetapi peralihan kuasa ini akan berlaku sehingga Januari tahun depan dan pada masa ini beliau sedang membina Kabinetnya.

"Malaysia adalah negara yang ekonominya pelbagai dan kita yakin akan dapat terus menjana pertumbuhan yang kuat," katanya selepas merasmikan 'Propelling Malaysia Forward Conference 2024 - Penang Series' anjuran Affin Bank di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Amir Hamzah berkata, satu akta baharu berhubung pinjaman wang yang ditawarkan oleh institusi bukan bank akan dikeluarkan pada tahun hadapan.

Katanya, akta itu adalah bagi mengawal selia pemberian pinjaman kepada peminjam dan akta tersebut juga akan memudahkan kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengenal pasti sebarang isu yang timbul daripada pinjaman yang dibuat oleh pihak berkenaan.

"Akta yang akan dikeluarkan ini nanti adalah untuk kita mengawal pemberian pinjaman, sistem beli sekarang bayar kemudian dan sebagainya," katanya.

Menurut Amir Hamzah, akta itu penting kerana semua sistem kewangan yang ada ketika ini adalah di bawah kawal selia oleh BNM.




**AMIR HAMZAH (tengah) hadir merasmikan 'Propelling Malaysia Forward Conference 2024 - Penang Series' di George Town semalam.**

KOSMO

Tarikh: 12 NOV 2024

# Pembinaan WCE Banting-Gelang Patah masih diperhalusi

HM 12/11

**Kuala Lumpur:** Pembinaan Lebuh Raya Pesisir Pantai (WCE) dari Banting, Selangor ke Gelang Patah, Johor sedang dalam peringkat diperhalusi untuk pelaksanaan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya sudah berhubung dengan beberapa kementerian termasuk Kementerian Ekonomi berkaitan pembinaan laluan itu.

"Cadangan pembinaan WCE dari Banting ke Gelang Patah ini diumumkan dalam Belanjawan 2025 pada 18 Oktober lalu.

"Buat masa ini, kita masih memperhalusi proses serta kelulusan termasuk bagaimana hendak melaksanakannya seperti jajaran dan kerja-kerja yang sepatutnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan BiGBen dan eBencana di Ibu Pejabat JKR di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan dan Ketua Pengarah Kerja Raya Datuk Roslan Ismail.

Pada pembentangan Belanjawan 2025, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan WCE Banting-Gelang Patah menggunakan pendekatan Kerjasama Awam Swasta (PPP).

Ketika ini, satu-satunya lebuh raya yang menghubungkan Johor ke Lembah Klang bagi pengangkutan darat adalah Lebuh Raya Utara Selatan.

Sebelum ini, media melaporkan, pembinaan WCE dari Banting ke Gelang Patah bakal memberi manfaat dan limpahan ekonomi kepada penduduk.

HARIAN METRO
Tarikh: 12 NOV 2024

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bisnes@hmetro.com.my

# Ekonomi kekal berdaya tahan

## *KDNK negara dijangka berkembang 5.2 peratus pada 2025 susulan prospek ekonomi positif*

Georgetown

Affin percaya pengukuhan penampan fiskal akan menjadi signifikan dalam ketahanan kewangan negara dalam menyokong keutamaan ekonomi serta memberi ruang dasar fiskal yang mencukupi bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam sebarang keadaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Affin Bank Berhad Datuk Wan Razly Abdullah berkata, walaupun ketidaktentuan global dan turun naik harga tenaga serta komoditi, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan didorong asas yang kukuh serta permintaan domestik teguh.

Katanya, pertumbuhan KDNK tahun ke tahun sebanyak 5.3 peratus pada suku ketiga 2024, mengukuhkan lagi ketahanan itu.

"Sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang menyumbang sebanyak 3.0 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan, manakala sumbangan sektor pembuatan mencapai tahap tertinggi sejak Mac 2022 iaitu merangkumi kira-kira 25 peratus daripada jumlah pertumbuhan.

"Langkah Belanjawan Nasional 2025, yang menandakan tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), juga menyediakan asas bagi rancangan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) yang akan berlangsung pada 2026 hingga 2030," katanya ketika berucap di Persidangan Propelling Malaysia Forward Siri Pulau Pinang, semalam.

Hadir sama ialah Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Wan Razly berkata, menjelang 2025, KDNK Malaysia dijangka berkembang 5.2 peratus pada 2025, selepas unjuran pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus pada 2024 dan ia menunjukkan keyakinan kukuh terhadap daya tahan ekonomi.

Katanya, harga minyak dijangka stabil sekitar AS$75 satu tong, sedikit lebih rendah daripada ramalan AS$80 satu tong pada 2024, disebabkan kekangan bekalan daripada pengeluar utama.

"Manakala harga Minyak Sawit Mentah (MSM) dijangka pada RM3,650 satu tan metrik pada 2025, menurun daripada RM4,050 pada 2024, dipacu permintaan global yang meningkat dan bekalan terkawal.

"Kadar pertukaran dolar AS kepada ringgit dijangka mengukuh sekitar 4.10, berbanding 4.20 pada 2024, menjadikan mata wang Malaysia antara yang terkuat di rantau ini sementara Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dijangka mencapai 1,930 pada 2025, meningkat daripada anggaran 1,730 pada 2024, menunjukkan prestasi lebih baik berbanding indeks MSCI ex-Japan disebabkan oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh," katanya.

Wan Razly berkata, sektor utama seperti teknologi, pembinaan, perbankan, utiliti dan hartanah pula dilihat sebagai peluang 'berat' yang akan mendapat manfaat daripada tumpuan negara kepada pertumbuhan mampan dan inovasi.

"Secara keseluruhan, prospek ekonomi Malaysia untuk 2025 adalah positif, dengan prospek pertumbuhan yang kuat, harga komoditi stabil dan mata wang berdaya tahan sehingga boleh mewujudkan banyak peluang di pelbagai sektor penting," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 12 NOV 2024

# Perlakuan buli di tempat kerja perlu dihentikan

Intan Syazlina Mohd Ali,
Penolong Pendaftar Kanan Fakulti Undang-Undang UiTM

**Istilah** perlakuan buli, kekerasan, ugutan, ancaman dan sebagainya dalam iklim organisasi terutama di tempat kerja mungkin terlalu baru bagi masyarakat di Malaysia.

Namun, jika dilihat di Eropah dan Amerika Syarikat (AS), ia dikenal pasti sebagai penting dalam keselamatan pekerja di tempat kerja serta ketika bekerja.

Di Malaysia, satu definisi bagi kekerasan di tempat kerja didokumenkan dalam satu dokumen bertajuk *Guidance of Prevention of Stress and Violence at Workplace* oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH) pada 2001.

Di Malaysia, kes buli di tempat kerja amat kurang diambil perhatian sebaliknya lebih menumpukan kepada perbuatan buli di sekolah. Walaupun kes buli di tempat kerja belum mencapai tahap kematian sebagaimana berlaku di sekolah, perkara ini tidak boleh diambil mudah kerajaan.

Hakikatnya, buli di tempat kerja adalah satu fenomena membimbangkan. Sebarang unsur buli di tempat kerja harus dihentikan dengan segera kerana ia bukan sahaja memberi kesan buruk kepada mangsa, tetapi akan menjejaskan pekerja lain serta organisasi.

Mangsa buli akan menghadapi tekanan mental dan emosi yang kuat. Ada mangsa buli hanya berdiam diri terhadap apa yang berlaku pada diri, tetapi mula menghadapi masalah kesihatan, selain kehidupan peribadi juga terjejas.

Terdapat pelbagai faktor boleh memberi ruang kepada kegiatan buli ini berlaku di tempat kerja seperti faktor usia, jantina, bangsa dan agama, tahap pendidikan, kedudukan dan pengalaman di tempat kerja.

## Kesan negatif serius

Perlakuan buli di tempat kerja boleh menyebabkan kesan negatif serius terhadap individu dan organisasi secara keseluruhan termasuk kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal, penurunan produktiviti dan moral pekerja merosot.

Bagi menangani isu buli, negara mewujudkan pelbagai jenis peruntukan undang-undang di tempat kerja bagi memastikan semua majikan serta pekerja menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sebaik-baiknya.

Ia termaktub dalam Akta Kerja 1955 (Akta 265), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Mendepani isu buli di tempat kerja, majikan juga perlu lebih bertoleransi memberi tugasan kepada pekerja, termasuk tidak seharusnya membebani mereka dengan pelbagai jenis tugasan di luar kemampuan.

Penting bagi majikan merangka Petunjuk Prestasi Utama (KPI) lebih realistik serta sesuai dengan keadaan tempat kerja, di samping memberi penghargaan atau pengiktirafan terhadap pekerjanya melaksanakan tugasan dengan baik.

Bagi menangani masalah buli di tempat kerja dalam perkhidmatan awam pula, beberapa langkah diambil kerajaan seperti:

- Penyediaan dasar dan prosedur jelas mengenai perlakuan buli, termasuk prosedur melaporkan kes dan langkah tindakan sewajarnya.
- Penyelidikan berkesan, iaitu semua laporan mengenai buli perlu disiasat secara teliti dan menyeluruh untuk memastikan keadilan serta keberkesanan proses penyelesaian.
- Pendidikan dan kesedaran, iaitu mengadakan latihan serta pendidikan berkaitan dengan perlakuan buli untuk semua kakitangan supaya mereka mengenali, menghindari dan melaporkan sebarang kes buli.
- Sokongan psikologi dan bimbingan, iaitu menyediakan sokongan psikologi kepada mangsa buli untuk membantu mereka pulih daripada kesan dialami.
- Komitmen pemimpin dan kebudayaan organisasi yang mana pemimpin organisasi perlu menunjukkan komitmen terhadap amalan kerja beretika dan berintegriti serta memastikan kebudayaan organisasi tidak bertoleransi dengan perlakuan buli.

BERITA HARIAN
Tarikh 12 NOV 2024

# INTAN peneraju kecemerlangan kualiti perkhidmatan awam

Ahmad Zafwan Sulaiman,
Ketua Unit Latihan Pasca Perkhidmatan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Putrajaya

**Institut** Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah institusi latihan tersohor menyediakan latihan kepada penjawat awam di bidang pengurusan, pentadbiran serta kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sejak awal penubuhannya, INTAN sentiasa mendapat perhatian khusus daripada pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri dengan memastikan INTAN meneruskan kecemerlangan mendidik bakal strategis dan pembuat dasar kerajaan.

INTAN juga institusi latihan 'membidankan' Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) daripada awal perkhidmatan sehingga menjadi figura menjawat jawatan strategik serta dalam pembangunan negara.

Tan Sri Elyas Omar, Tan Sri Dr Halim Shafie, Tan Sri Dr Zulkurnain Awang dan Tan Sri Dr Mazlan Yusoff antara figura penting tanah air yang dilahirkan di INTAN memberikan sumbangan signifikan dalam mencorakkan pembangunan negara.

Selain menyediakan program latihan untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam, INTAN melaksanakan BITARA, iaitu program berimpak tinggi dan antaranya menyediakan platform interaksi bersama kepemimpinan negara.

Program ini dinamakan INTAN Ministerial Conversation (IMC) menjemput beberapa menteri berinteraksi bersama pegawai di agensi dan kementerian.

INTAN juga diberi kepercayaan menganjurkan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA). Bahkan INTAN turut mendapat perhatian dalam kalangan institusi latihan awam negara antarabangsa melalui kunjungan hormat dan kolaborasi strategik pembangunan modal insan perkhidmatan awam.

Program anjuran INTAN, iaitu Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) adalah khusus membabitkan penyertaan negara luar.

Program ini dilancarkan secara rasmi pada 7 Februari 1980. Sejak kewujudan program ini pada 1980 sehingga kini, dianggarkan terdapat lebih 35,000 penyertaan daripada 144 negara menyertainya.

> "INTAN sebagai peneraju penyedia latihan sektor awam perlu jadi ikutan dan panduan kepada semua institusi latihan awam dalam negara"

## Institusi latihan premier

Selaras Sambutan 65 Tahun INTAN dirasmikan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar pada 8 Oktober lalu, warga INTAN diingatkan untuk terus meningkatkan kecemerlangan sebagai institusi latihan premier sektor awam.

Hal ini penting untuk melahirkan lebih ramai pemimpin, tokoh dan figura akan membawa negara ke arah kecemerlangan serta disegani di peringkat antarabangsa.

INTAN sebagai peneraju penyedia latihan sektor awam perlu menjadi ikutan dan panduan kepada semua institusi latihan awam dalam negara.



BERITA HARIAN
Tarikh 12 NOV 2024

# Pastikan sistem saliran berfungsi elak banjir jejas infrastruktur jalan raya

- Hujan lebat berserta banjir boleh menyebabkan kerosakan infrastruktur negara, terutama jalan raya yang menjadi nadi utama penghubung masyarakat dan ekonomi

- Sistem pemantauan cuaca lebih canggih mengesan hujan lebat dan mengeluarkan amaran awal perlu diwujudkan bagi mengurangkan kesan dan risiko kepada orang awam


**Oleh Prof Madya Dr Norhidayu Kasim dan Dr Wan Nur Aifa Wan Azahar**
bhrencana@bh.com.my







Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa


**Monsun** Timur Laut secara zahirnya sudah bermula awal bulan ini dan berlanjutan sehingga Mac tahun hadapan. Musim monsun ini dikaitkan dengan tengkujuh di Malaysia susulan hujan lebat dan kerap berlaku sepanjang tempoh ini dan lazimnya mengakibatkan banjir di kawasan rendah serta berhampiran sungai.

Hujan lebat berserta banjir boleh menyebabkan kerosakan infrastruktur negara, terutama jalan raya yang menjadi nadi utama penghubung masyarakat dan ekonomi. Kerosakan jalan mendatangkan kerugian besar kepada negara, terutama dari segi ekonomi serta kos membaik pulih.

Selain itu, hujan lebat dan banjir boleh menyebabkan hakisan permukaan jalan kerana air deras ketika hujan lebat dan banjir menghakis jalan, menyebabkan jalan menjadi berlubang dan licin. Banjir dan hujan lebat boleh menyebabkan runtuhan tebing tepi jalan akibat struktur tanah lemah.

Semua fenomena ini boleh menyebabkan kehilangan nyawa, penutupan jalan dan kerosakan kepada struktur jalan. Kerosakan pada sistem saliran akibat banjir menyebabkan air bertakung di jalan lalu merosakkan lapisan asas jalan. Banjir pula merosakkan jambatan dan jejantas yang menjadi penghubung jalan jika aliran air banjir melebihi kapasiti reka bentuk struktur jambatan serta jejantas.

Kerosakan jalan akibat hujan lebat dan banjir memberi kesan kepada pengguna jalan raya dan ekonomi negara. Jalan berlubang dan runtuhan tebing boleh menyebabkan kemalangan yang mengancam nyawa pengguna jalan raya.

Tambahan pula, kerosakan jalan menyebabkan aktiviti ekonomi negara terjejas apabila jalan rosak mengganggu pergerakan logistik dan barangan, seterusnya menjejaskan sektor pertanian, perniagaan dan industri.

Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menanggung kos tinggi untuk membaik pulih jalan dan infrastruktur terjejas, sekali gus membebankan ekonomi negara.

Memandangkan kesan kerosakan infrastruktur jalan akibat hujan lebat dan banjir memberi impak sangat besar kepada orang awam dan pihak berkuasa, langkah persediaan sebelum banjir besar perlu dilaksanakan bagi memastikan keselamatan dan risiko kerosakan jalan boleh dielakkan.

Kejadian banjir akibat hujan lebat dapat dielakkan jika sistem saliran diselenggara dengan baik. Semua saliran, termasuk longkang, parit dan pembetung perlu dibersihkan dalam tempoh terdekat ini secara berkala untuk mengelak tersumbat. Sistem saliran tersumbat menyebabkan air bertakung, menjadi punca banjir dan akhirnya merosakkan jalan.

Sistem saliran sepatutnya ditambah di kawasan sering dilanda banjir. PBT boleh memasang saliran tambahan atau memperbesarkan sistem saliran sedia ada bagi memastikan aliran air lancar ketika hujan lebat. Pemasangan pam air di kawasan kritikal mudah bertakung air perlu dilakukan bagi memastikan air segera dialihkan sebelum menyebabkan banjir besar berlaku.

Infrastruktur jalan juga perlu diperkukuhkan dengan menggunakan bahan lebih tahan air dan tahan lasak, seperti asfalt dipertingkatkan atau konkrit kukuh untuk mengurangkan kerosakan. Dinding penahan air perlu dipasang di kawasan berdekatan sungai atau kawasan rendah bagi menghalang banjir melimpah ke jalan raya.

Jambatan dan laluan utama perlu diperiksa serta diperkukuhkan untuk menghadapi aliran air deras ketika banjir. Struktur ini perlu diselenggara dengan baik dan diperkuatkan jika perlu.

Tebing atau cerun tepi jalan perlu ditanam dengan pokok atau rumput sesuai untuk mengukuhkan struktur tanah serta mengurangkan risiko hakisan tebing yang boleh menyebabkan tebing tepi jalan runtuh dan membahayakan pengguna jalan raya.

> Kejadian banjir akibat hujan lebat dapat dielakkan jika sistem saliran diselenggara dengan baik. Semua saliran, termasuk longkang, parit dan pembetung perlu dibersihkan dalam tempoh terdekat ini secara berkala untuk mengelak tersumbat

Pemasangan tanda amaran di kawasan kerap mengalami banjir perlu dilakukan untuk memaklumkan pemandu mengenai risiko banjir dan kawasan jalan berbahaya bagi mengurangkan risiko kepada pengguna jalan raya akibat banjir.

**Tubuhkan Pusat kawalan trafik**

Pusat kawalan trafik perlu ditubuhkan untuk mengarahkan laluan alternatif kepada pengguna jalan raya sekiranya banjir berlaku, ini dapat mengelakkan kesesakan dan risiko kemalangan.

Sekatan jalan sementara juga perlu diadakan di kawasan dikenal pasti berisiko berdepan bencana banjir atau tanah runtuh untuk mengelakkan pemandu menggunakan jalan terjejas akibat banjir dan ini boleh mengurangkan risiko kepada pengguna jalan raya.

Salah satu aspek yang perlu diberi tumpuan ialah mewujudkan sistem pemantauan cuaca berterusan lebih canggih untuk mengesan hujan lebat dan mengeluarkan amaran awal kepada pihak berkuasa serta masyarakat bagi mengurangkan kesan dan risiko banjir kepada orang awam termasuk infrastruktur awam.

Latihan kecemasan kepada masyarakat juga perlu diadakan lebih kerap atau berkala supaya masyarakat tahu merancang pelan kecemasan, memeta laluan selamat dan langkah keselamatan sewajarnya perlu diambil jika banjir berlaku.

Kempen kesedaran pentingnya menjaga sistem saliran, mengelak membuang sampah ke dalam longkang dan mengetahui risiko laluan sering banjir perlu diadakan bagi mengelak risiko banjir.

Persediaan rapi sebelum musim tengkujuh atau banjir besar adalah penting untuk melindungi infrastruktur jalan raya dan keselamatan orang awam. Semua pihak, termasuk pihak berkuasa dan masyarakat, perlu berganding bahu dalam memastikan jalan raya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat, terutama semasa keadaan cuaca buruk ketika musim tengkujuh.




BERITA HARIAN
Tarikh 12 NOV 2024

# Kerajaan timbang inisiatif bantu B40

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan tidak menolak kemungkinan berlaku kenaikan harga barang susulan kenaikan cukai dalam sektor tertentu khususnya melibatkan bahan api dan logistik.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, kerajaan komited dalam mempertimbang pelbagai inisiatif kepada golongan B40 termasuklah penyasaran subsidi bersasar.

Bbeliau yakin peningkatan itu akan berlaku pada kadar yang terkawal.

"Kita akui sebarang kenaikan cukai dan harga dalam sektor penting boleh memberi kesan kepada harga barangan," katanya menjawab soalan tambahan Mohd Nazri Abu Hassan (PN-Merbok) di Dewan Rakyat, semalam.

UM 12/11

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 NOV 2024

# Gabung projek WCE Banting-Pasir Gudang dan HSR untuk jimat kos

MOHAMED ISMAIL PAKIR MOHAMED

DALAM pembentangan Belanjawan 2025, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pelanjutan projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dari Banting, Selangor hingga ke Gelang Patah, Johor. Ini adalah salah satu langkah penting bagi memperbaiki rangkaian pengangkutan di Semenanjung Malaysia, khususnya di bahagian pantai barat. Dalam masa yang sama, projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang dirancang untuk menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura masih menjadi topik hangat, terutama mengenai kos pembinaanya yang tinggi.

Kos yang tinggi ini boleh dikurangkan jika kerajaan memanfaatkan tanah yang bakal diperoleh untuk projek Lanjutan WCE bagi merealisasikan pembinaan HSR yang dijangka membawa banyak manfaat kepada ekonomi negara. Ini boleh dilaksanakan kerana jajaran Lanjutan WCE akan merentas Bandaraya Melaka, Muar dan Batu Pahat manakala cadangan jajaran HSR asal juga akan merentas bandar yang sama.

**PEMEROLEHAN TANAH: SALAH SATU KOS TERTINGGI**

Kos pemerolehan tanah biasanya menjadi salah satu komponen terbesar dalam mana-mana projek infrastruktur mega, termasuk HSR. Kerajaan perlu memperoleh tanah daripada pemilik persendirian atau syarikat, yang selalunya melibatkan perundingan panjang dan pampasan yang tinggi. Dengan mengambil kira harga tanah di kawasan pembangunan yang pesat, terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar, ini boleh menyebabkan kos meningkat dengan mendadak.

Namun, dengan pelanjutan WCE yang baru diluluskan, tanah untuk projek ini bakal diperoleh sepanjang jajaran Banting ke Gelang Patah. Ini membuka peluang kepada kerajaan untuk mengintegrasikan laluan HSR di sepanjang jajaran Lanjutan WCE ini menjadikan ia satu koridor pengangkutan di selatan Semenanjung Malaysia. Dengan cara ini kerajaan dapat memanfaatkan tanah yang sama untuk dua projek infrastruktur yang besar.

**PENGGUNAAN KORIDOR PENGANGKUTAN BERKONGSI**

Salah satu cara untuk mengurangkan kos projek HSR adalah dengan menggunakan konsep koridor pengangkutan berkongsi. Lebuhraya WCE dan laluan HSR boleh dibina bersebelahan atau pada jarak yang sesuai untuk meminimumkan gangguan kepada kedua-dua projek. Ini bukan sahaja mengurangkan kos pemerolehan tanah, tetapi juga mengoptimumkan penggunaan ruang. Dengan cara ini, kerajaan dapat menjimatkan wang yang sepatutnya digunakan untuk memperoleh tanah baharu bagi laluan HSR. Ini juga mengurangkan keperluan untuk menebang hutan atau mengganggu kawasan perumahan yang sering menimbulkan bantahan daripada masyarakat tempatan.

> **"Lebuhraya WCE dan laluan HSR boleh dibina bersebelahan atau pada jarak yang sesuai. Ini bukan sahaja mengurangkan kos pemerolehan tanah, tetapi juga mengoptimumkan penggunaan ruang."**

**PENGURANGAN KOS PEMBINAAN**

Selain daripada penjimatan dari segi pemerolehan tanah, integrasi antara projek HSR dan WCE juga boleh membawa kepada penjimatan kos pembinaan. Dengan merancang infrastruktur ini secara serentak, beberapa komponen seperti jambatan, terowong dan kemudahan sokongan lain boleh dikongsi atau dibina dalam satu fasa. Ini bukan sahaja menjimatkan masa, tetapi juga mengurangkan kos buruh dan bahan binaan.

Sebagai contoh, pembinaan jambatan berkembar yang digunakan oleh kedua-dua projek boleh mengurangkan jumlah bahan binaan yang diperlukan. Begitu juga, laluan terowong yang dikongsi boleh meminimumkan gangguan terhadap alam sekitar dan masyarakat tempatan.

**KEBERKESANAN DARI SEGI MASA**

Dengan memanfaatkan tanah yang diperolehi melalui projek WCE, masa yang diambil untuk perancangan dan pembinaan HSR juga dapat dipercepatkan. Ini kerana satu proses pemerolehan tanah yang besar telahpun diselesaikan melalui pelaksanaan projek lebuh raya tersebut. Tanpa perlu menunggu proses pemerolehan tanah yang baharu, projek HSR boleh bergerak dengan lebih pantas, sekali gus mengurangkan kos *overhead* yang berkaitan dengan tempoh pembinaan yang panjang.

**MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG LESTARI**

Mengurangkan kos projek dengan memanfaatkan tanah yang telah diperoleh juga menyokong prinsip pembangunan lestari. Mengurangkan keperluan untuk membeli lebih banyak tanah dan mengelakkan pencerobohan alam semula jadi akan membantu kerajaan mematuhi garis panduan pembangunan hijau. Ini seterusnya memberi kesan positif kepada alam sekitar, serta imej negara di peringkat antarabangsa sebagai negara yang komited terhadap pembangunan mampan.

Dengan menggunakan pendekatan yang lebih strategik dalam merancang projek HSR, kerajaan boleh mengurangkan kos dengan memanfaatkan tanah yang diperoleh untuk projek Lanjutan WCE. Ini bukan sahaja menjimatkan kos pemerolehan tanah, tetapi juga memberi peluang untuk mempercepatkan proses pembinaan, mengurangkan kos pembinaan dan memastikan pembangunan yang lebih lestari. Melalui perancangan yang lebih teliti, kerajaan dapat merealisasikan projek HSR dengan kos yang lebih rendah tanpa mengorbankan kualiti dan impak positif kepada rangkaian pengangkutan negara.

MOHAMED Ismail KP Pakir Mohamed ialah Pensyarah Kanan dan Ketua Focus Group Manufacturing Technology Management di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



LEBUHRAYA WCE dan laluan HSR boleh dibina bersebelahan atau pada jarak yang sesuai, sekali gus dapat mengurangkan kos pemerolehan tanah.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 NOV 2024

# Facebook raih RM2.5 billion daripada rakyat Malaysia tahun lalu

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

UM 12/11

**PETALING JAYA:** Pengendali media sosial Facebook meraih pendapatan sebanyak RM 2.5 bilion tahun lalu

Justeru, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata, pengendali platform media sosial perlu menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menyekat anasir-anasir yang memudaratkan sehingga boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Katanya, ia sekali gus dapat mengekang tiga jenayah utama yang kini 'berhijrah' ke ruang maya iaitu scam dan judi dalam talian, buli siber serta jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

"Apa guna ada AI? Apa guna mereka ambil duit dari rakyat Malaysia iaitu pendapatan Facebook pada tahun 2023 adalah RM2.5 bilion.

"Takkan mereka tidak ada bajet untuk buat saringan automatik terhadap halaman-halaman jenayah ini," katanya ketika menghadiri Persidangan Carian Antarabangsa Ke-8: 'Evolusi Media - Mengemudi Kelestarian dan Gangguan dalam Dunia Dinamik' di Taylor's University, di sini semalam.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, pengendali platform media sosial sering bertindak lambat dan hanya menurunkan kandungan seumpama itu sekiranya menerima aduan daripada pihak berkaitan.

Justeru, beliau menggesa pengendali platform media sosial lebih proaktif membantu kerajaan menyekat aktiviti tidak bermoral serta menyalahi undang-undang di akaun media sosial.

Sebagai contoh katanya, penularan halaman Facebook yang menjurus kepada kesalahan berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak di laman X baru-baru ini

"Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berhubung dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tentang bantuan teknikal mengenai hal tersebut, dan saya serahkan kepada PDRM untuk ambil tindakan dalam isu ini.

"Saya percaya Meta (penyedia platform) telah menurunkan kandungan itu, tapi masalahnya Meta tidak proaktif, hanya setelah dibangkitkan, baru (buat) dan sepatutnya dia telah *flag* daripada awal. Ini antara sebab kenapa kita mahu platform-platform ini dilesenkan secara automatik," katanya.



FAHMI FADZIL

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12 NOV 2024